

16/05/1999

Perak kaya tempat sejarah, pelancongan

Dzulkfley Zanudin

PERAK Darul Ridzuan kaya dengan sejarah dan tradisi, menjadikannya antara negeri paling menarik untuk diterokai keunikannya oleh pelancong asing dan tempatan. Sebut saja apa destinasiya, Perak ada semuanya.

Lantaran itu banyak pilihan boleh dibuat oleh pelancong untuk ke Perak sama ada menikmati cabaran laut, keindahan pantai, ketenangan tasik dan sungai, keunikan lata dan jeram, misteri gua dan bukit batu kapur, kelembapan hutan paya bakau serta kehijauan gunung dan hutan.

Di Perak anda boleh menemui kesan sejarah silam zaman batu tua (paleolitik) di Kota Tampan, Lenggong yang terkenal dengan penemuan fosil manusia tertua di Asia Tenggara, Perak Man, selain pulau bersejarah, Pulau Pangkor, yang pernah menjadi kubu Belanda dan Inggeris.

Di negeri yang kaya dengan sejarah perlombongan bijih timah ini serta penanaman pokok getah pertama di Tanah Melayu ini juga tempat bermulanya sistem pengangkutan kereta api pertama dari Kuala Sepetang (Port Weld) ke Taiping serta pendaftaran kereta bermotor menerusi plat terawal, iaitu A.

Sejarah pengangkutan moden itu juga berkait rapat dengan kemasukan pelombong dan peladang getah Inggeris yang meninggalkan senibina bangunan kolonial sama ada bangunan pemerintah atau institusi pendidikan.

Bangunan kolonial itu masih banyak tersergam kukuh di Taiping, Kuala Kangsar, Tanjung Malim dan Ipoh, selain banglo mewah milik pelombong dan peladang getah pada zaman dulu seperti Kellie's Castle di Batu Gajah.

Bertitik tolak dari kesan sejarahnya yang panjang dan unik itu, Perak turut menjanjikan destinasi pelancongan menyeronokkan kepada pelancong luar dan tempatan bagi dikunjungi pada cuti sekolah, termasuk cuti sekolah semester pertama antara 22 Mei dan 6 Jun ini.

Malah, Kerajaan Perak menetapkan 2000 sebagai Tahun Melawat Perak sesuai dengan kemunculan alaf baru, sekali gus ambang sesuai untuk memperkenalkan lagi destinasi menarik di Perak.

Sama ada anda memasuki sempadan negeri ini dari sebelah selatan, utara, tengah atau timur, keunikan serta keistimewaan setiap destinasi pelancongan itu tetap terasa untuk terus diterokai dan dilawati dari mula ke akhirnya.

Seandainya anda berkereta melalui sempadan Tanjung Malim, singgahlah di bandar yang melahirkan ramai pendidik dan pejuang bangsa menerusi Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) atau kini dikenali Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dari utara pula, keunikan daerah Kerian termasuk kehidupan masyarakat nelayan di Tanjung Piandang, keunikan budaya masyarakat keturunan Banjar di Parit Buntar dan Bagan Serai serta keindahan Tasik Bukit Merah yang dimajukan oleh Kumpulan Emkay dengan Bukit Merah Laketown Resort dan taman tema air terkenal.

Ambil juga kesempatan menyaksikan migrasi 100 jenis burung pelusuk dunia di Santuari Burung Kuala Gula dan Hutan Paya Bakau Matang, Kuala Sepetang.

Masuk melalui Lebuhraya Timur-Barat dari Kelantan ke daerah Hulu Perak pasti membuatkan anda asyik dengan keindahan dan ketenangan Tasik Temenggong selain misteri Hutan Belum dan gua batu kapur, terutama ketika senja nan merah, selain kehidupan keturunan Melayu Patani di sana.

Jika menaiki kapal terbang terus ke Ipoh, Lembah Kinta menyediakan kepelbagaian budaya penduduknya, terutama makanan unik campuran resipi Melayu-Cina selain bukit dan gua batu kapur seperti Gua Tempurung.

Kunjungan ke Perak tidak akan lengkap jika tidak ke Pulau Pangkor atau

Lumut. Pulau itu popular kepada pelancong luar, termasuk dari Singapura untuk dinikmati keindahannya selain ole-ole hasil laut seperti sate ikan, ikan talang kering, ikan bilis, sotong kering dan kraftangan tempatan.

Malah, Pulau Pangkor, terutama Pulau Pangkor Laut menjadi bukti kejayaan pembangunan pelancongan yang mengambil kira aspek alam sekitar sebagaimana pujian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan pusat pelancongan antarabangsa Marina Bay, Pangkor Laut, akhir tahun lalu.

Berbalik kepada kepentingan Perak kepada sejarah tanah air, tidak dapat dinafikan peristiwa pembunuhan Residen Inggeris yang pertama di Perak, iaitu JWW Birch di Pasir Salak, memperlihatkan semangat perjuangan kental pahlawan Melayu lampau seperti Datuk Maharajalela dan Datuk Sagor mempertahankan bumi Pasir Salak dan Kampung Gajah yang turut menjadi pembakar semangat memerdekakan Tanah Melayu daripada cengkaman Inggeris.

Semua rentetan sejarah itu boleh dilihat di Terowong Sejarah Kompleks Sejarah Pasir Salak. Kompleks itu turut menempatkan Rumah Kutai, rumah tradisional Melayu Perak yang banyak dibina sepanjang tebing Sungai Perak.

Pasir Salak dan Kampung Gajah juga terkenal sebagai lubuk udang galah di Sungai Perak yang alirannya bermula dari Hulu Perak ke Beting Beras Basah di Hilir Perak, sekali gus pencatat sejarah panjang perjuangan hulubalang dan sultan Melayu Perak terdahulu dari zaman Kerajaan Melayu Beruas dan Manjung sehingga kehidupan moden sekarang.

Malah, bagi menghidupkan kepentingan Sungai Perak serta mengembalikan nostalgia kegemilangan lampaunya, kerajaan negeri mengadakan Safari Sungai Perak setiap tahun serta kegiatan sukan air di samping pertandingan memancing udang galah sebagai tarikan pelancongan.

Dengan jalinan harmoni kisah sejarah, keindahan alam semula jadi serta keunikan budayanya, Kerajaan Perak yakin Tahun Melawat Perak 2000 mampu menarik dua juta pelancong tempatan dan asing ke negeri ini, sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi negeri dalam sektor pelancongan.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang cukup komited dan prihatin bagi membangunkan sektor pelancongan tempatan berkata, Perak akan mempergiatkan pembangunan industri pelancongan dengan lebih bersepadu dan menyeluruh melalui Pelan Induk Pelancongan negeri.

Pelan induk itu juga boleh dimanfaatkan oleh pengusaha industri bagi merancang perkembangan projek pelancongan masing-masing, sama ada dari segi penginapan hotel dan resort, perkhidmatan serta pengangkutan.

Ramli berkata, Perak mampu meningkatkan pendapatan melalui industri pelancongan berikutan banyak produk pelancongan, terutama bentuk muka buminya yang kaya dengan tasik.

Berikutan itu, Perak akan dibangunkan sebagai destinasi percutian tasik, sekitar Hulu Perak seperti Tasik Banding, Tasik Temenggor dan Tasik Raban.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan, Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Manusia negeri, Datuk Mazidah Zakaria, pula berkata bagi menarik lebih ramai pelancong, terutama sempena Tahun Melawat Perak 2000, promosi acara pelancongan berkualiti dipertingkatkan.

"Selama ini, pelancong terus berminat untuk mengunjungi destinasi menarik di Perak walaupun ketika kegawatan ekonomi yang mengurangkan kemampuan berbelanja serta ancaman wabak Japanese Encephalitis (JE) di beberapa kawasan tertentu," katanya di Ipoh.

Selain itu, kekuatan destinasi pelancongan tradisional sekitar Taiping dan Bukit Merah Laketown Resort, Lumut dan Pangkor turut menjadi sandaran kukuh berikutan kemampuan destinasi itu menarik sejuta pelancong tahun lalu.

Tahun Melawat Perak 2000 yang pertama kali diadakan itu mengutamakan tiga aspek, iaitu mengenal pasti produk pelancongan untuk diketengahkan, menyusun acara dalam kalendar pelancongan 2000 serta cara promosi terbaik.

Dari aspek produk pelancongan antara tempat diberi perhatian ialah

Kompleks Sejarah Pasir Salak, Zoo Taiping, bandar Taiping, Kuala Sepetang, Bukit Merah, Gua Tempurung, Kuala Kangsar, Manjung dan Pulau Pangkor.

Kerajaan negeri berusaha menaik taraf kemudahan awam di kawasan berkenaan melalui peruntukan sedia ada dan peruntukan tambahan sebelum 2000 serta memastikan kalendar pelancongan 2000 lebih menarik perhatian pelancong.

Acara menarik diutamakan seperti Festival Sungai Kebangsaan di Sungai Dinding, Lumut yang dipilih sebagai acara utama Tahun Melawat Perak 2000 dan tapak festival itu turut dibangunkan sebagai taman tema untuk menarik lebih ramai pelancong ke kawasan berkenaan.

Perak turut menyediakan panorama serta alam semula jadi yang sesuai seperti fauna dan flora selain kehidupan dan budaya masyarakat Orang Asli untuk dinikmati pelancong berkenderaan sama ada menerusi kegiatan mencari harta karun, berkaravan atau kenderaan empat pacuan roda.

(END)